

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

BERITA HARIAN

DATE: 12/2/2010

Najib hargai pandangan positif Dr Mahathir

PUTRAJAYA: Datuk Seri Najib berkata, beliau menghargai pandangan positif bekas pemimpin negara, termasuk Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap pentadbirannya yang disifatkannya sebagai petanda mereka mengambil berat mengenai cabaran yang dihadapi negara.

Beliau berkata pemimpin

semasa dan masa lalu perlu bekerjasama untuk membawa negara ke arah yang lebih maju pada masa depan.

"Kerjasama pemimpin sekarang dan terdahulu perlu supaya kita boleh membawa Malaysia ke arah yang lebih maju," katanya kepada pemberita selepas melancarkan inisiatif Nombor Identiti

Korporat Malaysia (MyCoID) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas kenyataan Tun Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini yang senang dengan corak kepimpinan Najib yang dapat memenuhi aspirasi rakyat dan negara.

Mengenai syarat yang ditetapkan bekas Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin untuk bekerjasama dengan kerajaan negeri berkenaan, Najib berkata beliau menyerahkan perkara itu kepada Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir.